

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Pemohon (murid) adalah warganegara Malaysia.
2. Keutamaan kepada ibu/bapa/penjaga yang bekerja atau menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.
3. Pendaftaran Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids bagi 5 tahun adalah bagi kanak-kanak yang lahir pada tahun 2021.
4. Pendaftaran Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids bagi 6 tahun adalah bagi kanak-kanak yang lahir pada 2020 (**murid baru sahaja**).
5. Sihat tubuh badan dan tidak mengalami penyakit berjangkit, kronik dan kritikal. Pihak MAIWP berhak menolak permohonan jika didapati maklumat yang diberikan adalah tidak benar.
6. Pengambilan murid terhad kepada bilangan kelas yang sedia ada sahaja.
7. Permohonan hanya dibuka secara atas talian (*online*) **bermula 1-30 September 2025**.
8. Ibu/bapa/penjaga **DIWAJIBKAN** mengisi Borang Permohonan Kemasukan dengan lengkap secara atas talian (*online*) di laman sesawang rasmi MAIWP (www.maiwp.gov.my).
9. Hanya murid yang membuat pengisian secara atas talian (*online*) sahaja akan dipertimbangkan untuk pemilihan kemasukan ke Tadika Permata MAIWP dan MAIWP Kids.
10. Ibu/bapa/penjaga hanya boleh membuat **3 permohonan tadika sahaja untuk seorang anak**.
11. Keputusan permohonan/tawaran akan dimaklumkan di laman sesawang MAIWP (www.maiwp.gov.my) **mulai 1 November 2025** dan ibu/bapa/penjaga hendaklah membuat pengesahan terimaan tawaran tersebut selewat-lewatnya pada **14 November 2025**.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN BAGI KEMASUKAN KE TADIKA MAIWP KIDS PRESINT 15, PUTRAJAYA

1. Lulus Ujian Penilaian Kendiri yang akan dilaksanakan oleh MAIWP Cawangan Putrajaya (tarikh ujian akan dimaklumkan oleh MAIWP Cawangan Putrajaya)

DOKUMEN YANG PERLU DILAMPIRKAN DALAM PERMOHONAN

1. Salinan Sijil Kelahiran / Pasport Murid
2. Salinan Kad Pengenalan / Pasport ibu dan bapa/penjaga.
3. Satu salinan Penyata Gaji / Pencen / Perkeso ibu dan bapa/penjaga terkini / Surat Akuan Sumpah Pendapatan terkini (yang dicop oleh Pesuruhjaya Sumpah) sekiranya ibu/bapa/penjaga yang tiada penyata gaji / bekerja sendiri / tidak bekerja.
4. Rekod kesihatan kanak-kanak (Rekod Imunisasi) – **lampiran senarai suntikan**
5. Satu salinan Cukai Pintu / Bil Utiliti kediaman semasa
6. Salinan surat pengesahan Baitulmal (Bantuan Bulanan sahaja dari Zakat Wilayah Persekutuan dan Zakat Selangor)

**TAKWIM PERMOHONAN PENDAFTARAN MURID
TADIKA PERMATA MAIWP (PM) & MAIWP KIDS (MK) SESI PERSEKOLAHAN 2026**

BIL.	PROSES KERJA	TARIKH
1.	Pengisian permohonan secara atas talian (<i>online</i>) bagi kemasukan ke Tadika Permata MAIWP dan Tadika MAIWP Kids	1-30 September 2025
2.	Ujian Khas Tadika MAIWP Kids P15 dan Tadika MAIWP Kids Ar-Raudhah, Putrajaya	18 Oktober 2025
3.	Semakan keputusan permohonan secara atas talian (<i>online</i>) di Laman Sesawang MAIWP (www.maiwp.gov.my) - Pengesahan terimaan tawaran bagi kemasukan ke Tadika Permata Maiwp dan Tadika Maiwp Kids oleh ibu/bapa/penjaga - Surat tawaran akan dikeluarkan setelah ibu/bapa/penjaga membuat pengesahan terimaan - Senarai kadar yuran dan lain-lain pembelian akan dimaklumkan ketika sesi taklimat pendaftaran dijalankan	1-14 November 2025
4.	Permohonan rayuan (berurusan dengan pihak tadika dan bergantung kepada kekosongan di tadika tersebut)	17 November 2025